



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MESYUARAT MENTERI-MENTERI ASEAN-CHINA
BAGI KERJASAMA SANITARI DAN FITOSANITARI (SPS) KALI KE-TUJUH
Persidangan Video, China, 13 September 2021

Bandar Seri Begawan, hari Isnin, 5hb. Safar 1443 / 13hb. September 2021

1. Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN CHINA bagi kerjasama Sanitari dan Fitosanitari telah diadakan pada 13hb. September 2021 melalui persidangan video. Mesyuarat di pengurusikan bersama oleh Tuan Wang Lingjun, *Vice Minister, General Administration of Customs, Republik Rakyat China (GACC)*, dan Tuan Yang Terutama Veng Sakhon, Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Negara Kemboja, selaku Pengerusi *ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF)*.
2. Menghadiri mesyuarat tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Menteri yang bertanggungjawab berkaitan sanitari dan pito-sanitari dalam sektor pertanian dan agrimakanan, dan perikanan. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; pihak *Brunei Darussalam Food Authority (BDFA)*; dan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China.
3. Mesyuarat ini antarlain bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang Sanitari dan Fitosanitari bagi memastikan haiwan, tumbuhan atau produk samada yang di import dan eksport oleh negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China memenuhi langkah-langkah keselamatan dan perlindungan manusia, kehidupan dan kesihatan haiwan atau tumbuhan demi meningkatkan perdagangan serantau, dan bagi memastikan perlaksanaan sejajar dengan perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia dalam Sanitari dan Fitosanitari.
4. Mesyuarat telah menetapkan pelan tindakan di antara ASEAN dan Republik Rakyat China bagi tahun 2022 - 2023, yang mana meliputi kegiatan di dalam bidang perlindungan keselamatan makanan, kesihatan tumbuhan dan haiwan yang memfokuskan kepada i) pembentukan sistem pemberitahuan dan komunikasi maklumat; ii) pertukaran lawatan dengan pihak-pihak yang relevan; iii) mengendali latihan, seminar, persidangan dan aktiviti Sanitari dan Fitosanitari; iv) penyelidikan secara kolaboratif; dan v) pembentukan mekanisme untuk perundingan.
5. Mesyuarat juga menyambut baik penyediaan Memorandum Persefahaman yang baru di antara ASEAN dan Republik Rakyat China, iaitu bagi memperkukuhkan lagi kerjasama Sanitari dan Fitosanitari dalam penerapan langkah-langkah SPS dan memastikan perdagangan produk makanan dan pertanian antara ASEAN dan China mematuhi syarat dan selaras dengan prinsip perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia dalam Sanitari dan Fitosanitari. Memorandum Persefahaman tersebut diharapkan dapat menyumbang kepada keberhasilan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (*ASEAN China Free Trade Area- ACFTA*).
6. Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN CHINA bagi kerjasama Sanitari dan Fitosanitari Kali Ke-Lapan dijangka akan diadakan pada tahun 2023.

-TAMAT-